

## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PENOLONG PEGAWAI PELANCONGAN (C.2-3 EB.4)**

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI PELANCONGAN  
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Pelancongan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**


- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pengurusan pelancongan adalah kelebihan.
3. Mempunyai kemahiran dalam bidang Teknologi Maklumat (*IT*) serta menggunakan komputer dengan baik adalah satu kelebihan.
4. Berkebolehan dalam menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan media masa.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA AM:**

1. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dalam usahan menggalakkan dan memajukan industri pelancongan Negara Brunei Darussalam;



2. Menghadiri / menyelaras Mesyuarat / Pameran / Kursus / Seminar yang berkaitan dengan bidang pelancongan dalam dan luar negara;
3. Melaksanakan kajiselidik / kajian / laporan bagi membantu memajukan industri pelancongan Negara Brunei Darussalam; dan
4. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai atasan lain dari semasa ke semasa.

**DI BAHAGIAN PEMATUHAN DAN STANDARD SECARA KHUSUS:**

1. Membantu menyelaras dan mengenal pasti latihan-latihan, kursus-kursus, seminar-seminar atau forum-forum bagi industri hospitaliti dan kecekapan sumber manusia dalam bidang pelancongan dengan kerjasama Institusi-Institusi, *Brunei Association of Hotel (BAH)*, *Association Travel Agents of Brunei (ATAB)* dan Agensi lain yang berkaitan di dalam dan di luar negara;
2. Membantu membangunkan dan mengenal pasti latihan dan kurikulum untuk dilaksanakan oleh institusi latihan di bidang pelancongan;
3. Membantu untuk menganjurkan Jerayawara / Pembentangan / Taklimat mengenai kerjaya industri hospitaliti dan pelancongan kepada pelbagai agensi;
4. Membantu untuk melaksanakan *Mutual Recognition Arrangement* terhadap *Tourism Professional (MRA-TP)* di bawah ASEAN; dan
5. Sebagai sekretariat bagi *Manpower Industry Steering Committee Working (MISC-WG)* untuk Sektor Hospitaliti dan Pelancongan.